

## PERSONALITI AHLI HADITH DAN KEPERLUANNYA DALAM PSIKOLOGI MODEN

Khairul Nizam Zainal Badri<sup>1</sup>

### Abstrak

Salah satu definisi personaliti yang paling penting dalam psikologi moden ialah kelainan individu menurut corak karakteristik seperti pemikiran, perasaan dan tingkah laku. Sifat personaliti adalah biologi manakala nilai personaliti adalah produk persekitaran yang dipengaruhi oleh budaya, pendidikan dan kehidupan. Dalam kajian psikologi moden, sifat yang berasaskan pemikiran berada dalam domain kognitif lebih tinggi dari sifat emosi dalam berhubungan dengan nilai. Dalam tradisi keilmuan Islam, terdapat sifat khusus yang menjadi kayu ukur kepada personaliti yang unggul iaitu sifat *al-‘adalah* atau disebut sebagai adil. Terkait dengan sifat adil ialah sifat dabit. Perbincangan yang bercorak kualitatif yang menggunakan pendekatan kepustakaan ini menelusuri sifat-sifat yang dimiliki dan diutamakan secara khususnya oleh ahli hadith ini, yang pernah memberi inspirasi kepada Barat untuk mengaplikasi sifat tersebut dalam gerak kerja keintelektualan mereka. Perbincangan mendapati sifat-sifat tersebut mempunyai ciri yang unik kerana keupayaannya mengintegrasikan dimensi ontologi, epistemologi dan aksiologi dan juga mengimbangkan peranan domain kognitif dan afektif dalam diri manusia yang mengarahkan tingkah laku fisiologi dan psikologi manusia ke arah yang positif.

**Kata kunci:** personaliti, sifat ahli hadith, nilai ahli hadith, adil, dabit, psikologi moden

## *THE PERSONALITY OF HADITH SCHOLARS AND ITS NECESSITY IN MODERN PSYCHOLOGY*

### *Abstract*

*One of the most important definitions of personality in modern psychology is individual differences according to characteristic patterns such as thoughts, feelings and actions. Personality traits are biological while personality values are environmental products influenced by culture, education and life. In the study of modern psychology, thought-based traits that are in the cognitive domain are higher than emotional traits in relation to values. In Islamic intellectual tradition, there is a special traits, which is the yardstick of superior personality, namely al-‘adalah or being*

---

<sup>1</sup> Khairul Nizam Zainal Badri, Pengerusi Jemaah Pengurusan, Madrasah Pra Tahfiz al-Mansoorah, Taman Putra Perdana, Puchong, Selangor. E-mel: knizamzmbaptam@gmail.com.

*just. Related to this is the trait of exactitude (dabit). This qualitative discussion using a library approach traces the properties possessed by hadith scholars, who once inspired the West to apply those attributes in their intellectual work. Finally, it finds that these properties have unique characteristics because of their ability to integrate ontological, epistemological and axiological dimensions and also balance the role of cognitive and affective domains in human beings that direct human physiological and psychological behavior in a positive direction.*

**Keywords:** *personality, characters of hadith scholars, values of hadith scholars, just, exactitude, modern psychology*

## **Pendahuluan**

Personaliti membawa maksud keperibadian atau perwatakan.<sup>2</sup> Berdasarkan pengertian ini, personaliti mempunyai hubungan secara langsung dengan bidang psikologi. Salah satu definisi personaliti yang paling utama sebagaimana yang diungkapkan oleh American Psychological Association atau ringkasnya APA ialah kelainan individu yang disandarkan kepada corak karakteristik seperti pemikiran, perasaan dan lakuan. Pemikiran merujuk kepada aspek positif seperti optimis atau negatif (pesimis). Perasaan merujuk kepada penzahiran kegembiraan yang cenderung kepada aspek positif atau kesedihan yang merujuk kepada aspek negatif. Positif dalam tingkah laku pula ditonjolkan dalam bentuk kreativiti, kebersihan dan mempunyai daya usaha manakala tingkah laku negatif dipamerkan dalam sikap yang suka bermalas-malasan dan tidak mengindahkan kebersihan atau ketelitian.<sup>3</sup>

Dalam konteks psikologi, personaliti yang merujuk kepada kelainan individu terdedah kepada pengaruh yang menjadi faktor pembentukannya. Pengaruh terhadap personaliti sebagaimana yang dijelaskan oleh APA terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu genetik, persekitaran dan perubahan yang berlaku sepanjang pengalamannya dalam kehidupan.<sup>4</sup>

Genetik merujuk kepada pewarisan karakteristik dari generasi terdahulu. Ianya tidaklah bersifat mutlak tetapi tetap mempunyai pengaruh dalam pembentukan personaliti. Persekitaran mempunyai

---

<sup>2</sup> *Kamus Dewan* (ed.) (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014), 1194.

<sup>3</sup> R. Brown, D. Franz, B. Ibarra, and M. Sullivan, *Personality: A Six-Day Unit Lesson Plan for High School Psychology Teachers* (Washington: American Psychological Association, 2014), 3.

<sup>4</sup> Brown, Franz, Ibarra, and Sullivan, *Personality*, 9-10.

saham besar dalam personaliti kerana ia melibatkan bahasa dan budaya yang menjadi tradisi dalam kehidupan. Faktor terakhir iaitu pengalaman dalam kehidupan dianggap sebagai penyumbang pengaruh terbesar dalam pembentukan personaliti secara keseluruhannya.<sup>5</sup>

### **Faktor, Pengaruh dan Pembolehubah Personaliti**

Dalam konteks pembangunan personaliti, pengaruh terhadapnya terdiri dari tiga perkara utama iaitu matlamat dan strategi; tindakan dan pengalaman; dan penilaian dan refleksi.<sup>6</sup> Ketiga-tiga perkara ini berkait rapat dengan komunikasi yang efektif dalam kelompok pengaruh sosial yang positif yang melibatkan hubungan terhadap sifat personaliti itu sendiri.<sup>7</sup>

Situasi juga dikatakan turut mempengaruhi personaliti. Situasi ini walau bagaimanapun bergantung kepada permintaan. Misalnya pemakaian seseorang memberi isyarat kepada status dalam sosiologi masyarakat.<sup>8</sup> Ringkasnya personaliti bolehlah disifatkan sebagai suatu sistem yang merangkumi fisiologi dan psikologi yang menentukan tingkah laku seseorang dalam persekitaran. Ia terdiri dari set karakteristik tingkah laku dalam domain kognitif dan afektif yang berkembang dari biologi dan persekitaran.<sup>9</sup>

Secara teknikal, sifat personaliti dianggap pembolehubah deskriptif manakala nilai adalah pembolehubah motivasi.<sup>10</sup> Sifat adalah biologi manakala nilai adalah produk persekitaran yang

---

<sup>5</sup> B. N. Roberts, A. Caspi, and T. E. Moffitt, "Work Experiences and Personality Development in Young Adulthood," *Journal of Personality and Social Psychology* 84:3 (2003), 582-593, 582; B. P. Allen, *Personality Theories: Development, Growth and Diversity* (ed. 5) (Boston: Pearson, 2003), 12-13.

<sup>6</sup> K. Geukes, M. V. Zalk, and M. D. Back, "Understanding Personality Development: An Integrative State Process Model," *International Journal of Behavioral Development* 42:1 (2017), 43-51, 43.

<sup>7</sup> N. Bhullar, H. Well, and N. S. Schutte, "Personality and Positive Psychology," in *The Wiley Encyclopedia of Personality and Individual Differences: Model and Theories* (New York: John Wiley, 2020), 4:423-427.

<sup>8</sup> S. D. Bhoite, and L. S. Shinde, "An Overview of Personality Development," *International Journal of Trend in Scientific Research and Development Special Issue* (2019), 138-141, 139.

<sup>9</sup> Bhoite, and Shinde, "An Overview of Personality Development," 138.

<sup>10</sup> L. Park, and R. P. Guay, "Personality, Values and Motivation," *Personality and Individual Differences* 47 (2009), 675-684, 675.

dipengaruhi oleh budaya, pendidikan dan kehidupan.<sup>11</sup> Kajian Parks-Leduc, Feldman dan Bardi mendapati sifat yang berasaskan pemikiran yang berada dalam domain kognitif lebih tinggi dari sifat emosi dalam berhubungan dengan nilai.<sup>12</sup>

Model Lima Faktor (*Five-Factor Model* atau ringkasnya FFM) adalah merupakan model sifat personaliti yang paling meluas digunakan dalam taksonomi personaliti. Lima faktor tersebut ialah, keterbukaan, kesepakatan, optimis, kesungguhan dan kestabilan emosi.<sup>13</sup> Manakala nilai personaliti diorganisasikan secara hierarki. Nilai disini merujuk kepada persepsi yang kemudiannya menjadi panduan dalam kehidupan.<sup>14</sup>

Jadual 1: Sifat Personaliti menurut FFM

Konstruk	Penerangan	Lawannya
Keterbukaan dan Pengalaman	Intelektual, ingin tahu	Bermudah-mudah, sempit fikiran
Kesepakatan	Bekerjasama, suka menolong	Mementingkan diri sendiri
Optimis	Bercita-cita, sosialisasi	Pendiam, pemalu
Kesungguhan	Bertanggungjawab, tersusun	Malas, cuai
Kestabilan Emosi	Yakin, tenang, kelenturan	Takut, berasa tidak selamat

<sup>11</sup> R. R. McCrae, and P. T. Costa, "The Five-Factor Theory of Personality," in O. P. John, R. W. Robins, and L. A. Pervin, *Handbook of Personality: Theory and Research* (New York: Guilford Press, 2008), 159-180.

<sup>12</sup> L. Parks-Leduc, G. Feldman, and A. Bardi, "Personality Traits and Personal Values: A Meta-Analysis," *Personality and Social Psychology Review* 19:1 (2015), 3-29, 25.

<sup>13</sup> J. Allik, "Personality Dimensions Across Cultures," *Journal of Personality Disorders* 19 (2005), 212-232, 212.

<sup>14</sup> S. H. Schwartz, "Universals in the Content and Structure of Values: Theoretical Advances and Empirical Tests in 20 countries," in M. P. Zanna, *Advances in Experimental Social Psychology* (San Diego: Academic Press, 1992), 1-65.

Jadual 2: Nilai Personaliti

Konstruk	Penerangan
Kuasa	Penyeliaan manusia
Pencapaian	Pengiktirafan masyarakat
Nikmat	Kegembiraan
Rangsangan	Pengalaman yang mengujakan
Hala tuju sendiri	Kebebasan dalam kehidupan
Kebolegunaan	Galakan kebajikan dalam komuniti
Kemurahan	Galakan kebajikan dalam keluarga
Kesesuaian	Kelakuan yang selaras dengan budi pekerti
Tradisi	Kebiasaan turun-temurun
Keselamatan	Jaminan hidup

### Personaliti dalam Tradisi Intelektual Islam

Dalam tradisi keilmuan Islam, terdapat satu lagi sifat yang menjadi kayu ukur kepada personaliti yang unggul. Sifat *al-'adalah* atau disebut sebagai adil di sini adalah merupakan sifat personaliti yang terpenting dalam gerak kerja keintelektualan Islam sehingga memberi inspirasi kepada Barat untuk meneliti sifat tersebut. Penekanan terhadap sifat tersebut telah dirintis oleh al-Bukhari dalam bidang hadith bagi menentukan syarat penerimaan sesesuatu periwayatan. Pendekatan tersebut kemudiannya diaplikasi oleh Barat khususnya dalam pembuktian dan pengesahan aspek-aspek yang berkaitan dengan ilmu pensejarahan.<sup>15</sup>

Berbanding dengan bidang fiqh, sifat adil mencakupi pengertian yang sangat luas dalam bidang hadith. Adil bukan sahaja melibatkan tabiat yang mencegah diri dari melakukan dosa kecil dan besar tetapi turut meliputi keadilan dalam hukum, keadilan dalam hubungan sosial dan keadilan ekonomi.<sup>16</sup>

Dari segi bahasa, adil adalah lawan kepada zalim. Dari segi istilah, adil adalah kekuatan diri yang membawa seseorang kepada sifat takwa, menjauhkan diri dari perkara-perkara keji seperti

<sup>15</sup> Y. Ismail, *Biografi Imam Bukhari (810-870M) Pelajaran Hidup Sang Penjaga Hadith Nabi* (terj. A. Maftuhin) (Depok: Keira Publishing, 2016), 1:38-40.

<sup>16</sup> M. A. Zahrah, *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah: fi Tarikh al-Madhahib al-Fiqhiyyah* (Hejaz: Dar al-Fikr al-'Arabi, 1976), 96.

perbuatan dosa mensyirikkan Allah, atau fasiq ataupun bidaah atau segala perbuatan tidak baik yang mencalar maruah seseorang.<sup>17</sup>

Dalam konteks periwayatan hadith, perawi yang adil dirujuk sebagai orang yang diredai dan diterima riwayatnya. Perawi yang adil akan digelar dabit sekiranya periwayatannya mempunyai kesalahan dan keraguan yang sangat minimum. Istilah ini berada pada tahap yang tertinggi dalam peringkat *ta'dil* menurut Ibn al-Salah.<sup>18</sup> *Ta'dil* dari segi bahasa ialah ucapan yang diterima manakala dari segi istilah adalah merujuk kepada penyucian perawi yang mana dengannya diterima riwayatnya.<sup>19</sup>

Sifat sedemikian jika terdapat pada seseorang perawi pada hakikatnya menunjukkan kualiti periwayatannya. Dengan kata lain, semakin jelas sifat adil dan dabit yang ada pada seseorang perawi maka semakin tinggilah kualiti riwayat hadith yang diterima darinya. Atas sebab itulah, hadith yang diriwayatkan dari perawi yang adil dan dabit serta tidak terdapat kecacatan dan kejanggalan pada kandungan hadith tersebut dianggap sebagai hadith yang tertinggi kualitinya yang disebut sebagai sahih. Tingkat kualiti hadith ini bukan sahaja diterima pakai oleh Ibn al-Salah, tetapi juga oleh tokoh-tokoh besar hadith yang lain seperti Ibn Hajar al-'Asqalani, Jalal al-Din al-Suyuti dan al-Nawawi.<sup>20</sup>

Justeru, penulisan ini meneliti sifat adil dan dabit dari sudut pandang bidang hadith khususnya dari kaca mata al-Bukhari dan implikasinya kepada pembangunan personaliti dalam konteks psikologi moden pada hari ini. Secara lebih terperinci, perbincangan meneliti sifat dan nilai personaliti dalam konteks bidang hadith, seterusnya menganalisis peranan personaliti dalam pembangunan tingkah laku ahli hadith, dan juga mengkaji implikasi sifat dan nilai personaliti kepada bidang psikologi moden.

Pendekatan yang digunakan dalam perbincangan ini ialah kualitatif yang bercorak kepustakaan. Sumber utama yang digunakan ialah tulisan-tulisan yang berkaitan dengan metodologi ahli-ahli hadith termasuk tokoh yang paling utama iaitu al-Bukhari

---

<sup>17</sup> S. A. Ghouri, *Kamus Istilah Hadis* (terj. Z. M. Nor, A. S. Azmi, dan M. H. Hussin) (Bangi: Darul Syakir Enterprise, 2012), 353.

<sup>18</sup> Ghouri, *Kamus Istilah Hadis*, 356.

<sup>19</sup> A. M. Salim, *Taysir Dirasah al-Asanid li al-Mubtadi'in* (Tanta: Dar al-Diya', 2000), 83.

<sup>20</sup> I. Sulaiman, "Isnad al-Hadith Sebagai Etika Maklumat Islam: Satu Pengenalan," *Jurnal Usuluddin* 6 (1997), 51-64, 54.

dan kaedah-kaedah yang digunakan dalam periwayatan hadith. Analisis yang dijalankan ialah berdasarkan analisis kandungan.

### **Al-Bukhari Sebagai Nilai Personaliti Ahli Hadith**

Telah dimaklumi, kitab hadith yang disusun oleh al-Bukhari disepakati oleh para ulama khususnya di kalangan ahli hadith sebagai kitab hadith yang paling penting dalam bidang itu kerana kualiti hadith yang terhimpun didalamnya. Kitabnya yang bernama *al-Jami' al-Sahih al-Musnad min Hadithi Rasulullah wa Sunanih wa Ayyamih* yang lebih dikenal orang dengan panggilan *Sahih al-Bukhari*, menduduki tempat teratas kerana ketatnya saringan hadith yang dilakukan oleh al-Bukhari. Salah satu syarat terpenting dalam menentukan kualiti periwayat sekaligus memberi kesan kepada kedudukan hadith ialah sifat adil yang ada pada periwayat tersebut.<sup>21</sup>

Seorang periwayat dikatakan adil apabila ia sudah diketahui dan dikenali umum sentiasa mematuhi perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya. Di sisinya tidak ada sifat keji yang boleh menjatuhkan maruah dan kecacatan di sudut agama seperti berbohong, tidak amanah dan menzalimi makhluk Allah. Secara fizikalnya terzahir keperibadian warak, soleh, istiqamah dan bertakwa dalam urusan agama dan ibadah.<sup>22</sup>

Keadilan seseorang periwayat juga dinilai dari segi gaya kehidupannya dan perjalanan sirahnya yang suci dan bersih. Keadaan ini turut melibatkan perihal akhlak dan kekuatan daya keintelektualannya. Oleh yang demikian, para ulama turut melihat kualiti periwayat dari sudut keluasan ilmu pengetahuannya yang tahkik dalam periwayatannya dan kuat ingatannya (dabit).<sup>23</sup>

Istilah sahih yang dinisbahkan kepada kualiti hadith pada hakikatnya mencerminkan keseluruhan kualiti seseorang periwayat yang tidak mempunyai sifat aib yang tersembunyi, tidak terganggu

---

<sup>21</sup> F. A. Shah, M. K. Soroni, dan R. Wazir, *Manahij al-Muhaddithin* (Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010), 82-84.

<sup>22</sup> R. A. Zin, *Pengantar Ulum Hadis Teks Pengajian Islam* (ed. 2) (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 2005), 159-160.

<sup>23</sup> A. M. Jamrah, *Ringkasan Sahih al-Bukhari* (terj. M. F. Kamaludin) (Ampang: Sofa Production, 2014), 48.

fikirannya, tepat pandangannya, tidak berangan-angan, dan betul iktikadnya.<sup>24</sup>

Memelihara maruah dalam konteks adil termasuklah menjaga pergaulan, tidak keterlaluan dan bergurau-senda, tidak membuang air kecil di jalan-jalan atau makan di jalanan. Dengan kata lain, sifat adil memelihara kredibiliti seorang periwayat.<sup>25</sup>

Keluasan ilmu pengetahuan dari sudut kekuatan ingatan merangkumi penjagaan hafazan di mana periwayat menghafaz riwayat yang didengari dan menyampaikannya tanpa sebarang perubahan pada bila-bila masa. Jika dalam bentuk penulisan, riwayat tersebut disampaikan kepada orang lain sama sebagaimana yang diterimanya tanpa sebarang pindaan. Sebagai contoh, guru al-Bukhari bernama Ishaq ibn Rahawaih menghafal lebih 200,000 buah hadith. Beliau turut menghafal 4,000 buah hadith palsu dengan tujuan untuk mengenalpasti dan memelihara hadith yang sahih.<sup>26</sup>

Tokoh hadith yang sezaman dengan al-Bukhari iaitu Abu Zur'ah al-Razi diriwayatkan menghafal 200,000 buah hadith seperti menghafal Surah al-Ikhlâs. Dengan kekuatan ingatannya, beliau turut menulis 100,000 buah hadith dari Ibrahim al-Razi dan 100,000 buah hadith dari Abu Bakar ibn Abi Shaybah.<sup>27</sup>

Sifat adil juga menunjukkan autoriti seorang periwayat yang telah menerima periwatatan dari periwayat yang juga berautoriti dalam bidang hadith. Sebagai contoh, guru al-Bukhari yang bernama Yahya ibn Ma'in telah menulis sejumlah 600,000 buah hadith yang diriwayatkannya dari tokoh hadith terkemuka seperti Ibn al-Mubarak, Hushaym, Isma'il bin 'Iyash, 'Abbad bin 'Abbad, Yahya bin Zakariyya bin Abi Zaydah, Sufyan bin Uyaynah, Abi Mu'awiyah, Hatim bin Isma'il, 'Abd al-Razzaq, Waki', Yahya al-Qattan, Ibn Mahdi dan ramai lagi dari negara Iraq, al-Jazirah, Hijaz, Syam dan Mesir.<sup>28</sup>

Di sisi lain, autoriti juga bermaksud bahawa periwayat yang meriwayat sesuatu hadith telah meneliti latar belakang guru, sumber perolehan periwatannya dan jangka masa pergaulan dengan orang-orang yang dinukilkan periwatannya. Dengan itu

---

<sup>24</sup> Shah, Soroni, dan Wazir, *Manahij al-Muhaddithin*, 84.

<sup>25</sup> Zin, *Pengantar Ulum Hadis Teks Pengajian Islam*, 209.

<sup>26</sup> Ismail, *Biografi Imam Bukhari*, 1:32.

<sup>27</sup> Ismail, *Biografi Imam Bukhari*, 1:32.

<sup>28</sup> Ismail, *Biografi Imam Bukhari*, 1:24.



peristiwa tersebut tidak lagi dipertikaikan kerana kebenaran dan kesahihan riwayat tersebut telah ditentukan. Justeru, termasuk dalam sifat adil di kalangan ahli hadith ialah sikap sangat berhati-hati dan paling mengambil berat terhadap sesebuah riwayat.<sup>29</sup>

Sikap sangat berhati-hati dikalangan ahli hadith merangkumi zahir dan batin dalam segenap urusan dan kehidupan. Al-Bukhari misalnya tidak mahu melibatkan diri dalam sebarang urusan jual dan beli secara langsung kerana bimbang terjerumus dalam perkara yang dilarang dalam agama iaitu wujudnya penambahan, pengurangan dan percampuran dalam urusan tersebut. Selain itu, beliau juga menjauhkan dirinya dari berasa cenderung ke arah harta dunia kerana menurutnya perkara yang paling penting di sisi ahli hadith ialah amanah terhadap keadilan dan kepercayaan masyarakat.<sup>30</sup>

Dalam penulisan hadith, beliau sangat berhati-hati dalam memperkatakan rijal hadith (tokoh-tokoh dalam bidang hadith) dan menjauhkan diri dari terjebak dengan kritikan yang berupa umpatan atau celaan.<sup>31</sup> Sikap berhati-hati al-Bukhari dalam penulisan hadith sangat ketara apabila beliau hanya akan memasukkan hadith dalam kitab yang dikarangnya setelah mandi dan mengerjakan solat dua rakaat bagi memohon petunjuk yang benar-benar meyakinkan.<sup>32</sup>

Al-Bukhari mewarisi harta dari bapanya. Walau bagaimanapun, harta tersebut telah diserahkan kepada orang lain untuk diuruskan secara mudarabah. Hasil daripada harta-harta berkenaan telah diinfak kepada jalan kebaikan dengan membantu membiayai keperluan para penuntut ilmu termasuklah ahli hadith dan golongan fakir miskin.<sup>33</sup>

Terkait dengan keluasan ilmu pengetahuan, selain kekuatan ingatan, kriteria yang menjadikan seseorang itu begitu unggul dalam periwayatan ilmu hadith ialah keupayaannya mengenalpasti kecacatan hadith. Pernah satu ketika al-Bukhari diuji oleh tokoh-

---

<sup>29</sup> Zin, *Pengantar Ulum Hadis Teks Pengajian Islam*, 193.

<sup>30</sup> A. S. al-Mubarakfuri, *Sirah Kehidupan Imam Bukhari Penghulu Para Fuqaha dan Imamul Muhaddisin* (terj. A. S. Rahman) (Sungai Buloh: Kemilau Publika, 2016), 50-51.

<sup>31</sup> Jamrah, *Ringkasan Sahih al-Bukhari*, 193.

<sup>32</sup> M. F. Kamaludin, *Keunggulan Imam al-Bukhari* (Seremban: Sofa Production, 2016), 121; Ismail, *Biografi Imam Bukhari*, 1:21.

<sup>33</sup> Al-Mubarakfuri, *Sirah Kehidupan Imam Bukhari Penghulu Para Fuqaha dan Imamul Muhaddisin*, 53-54.

tokoh hadith di Baghdad. Mereka mengumpulkan 100 buah hadith lalu sengaja ditukar matan dan sanadnya. Hadith-hadith tersebut kemudiannya dibacakan di hadapan al-Bukhari lalu al-Bukhari membetulkan kesemua hadith-hadith tersebut dengan membacakan kesemua hadith-hadith yang bersalahan itu dan menerangkannya satu persatu dari sudut sanad dan matan sehingga mencengangkan semua hadirin yang menyaksikan peristiwa bersejarah itu. Begitu juga ketika di Samarqand, al-Bukhari telah diuji oleh 400 orang ilmuwan hadith dengan cara memisah atau menyilangkan sanad berdasarkan kawasan misalnya sanad Syam ke sanad Iraq, sanad Hijaz ke sanad Yaman dan begitu seterusnya. Al-Bukhari kemudiannya diminta menyusun kembali hadith tersebut dan beliau berjaya melakukannya sekaligus keilmuannya diiktiraf oleh para ulama khususnya dalam bidang hadith.<sup>34</sup>

Ketika berada di Naysabur, pengarang kitab hadith yang berjudul *Sahih Muslim* iaitu Muslim turut berkesempatan bertemu al-Bukhari lalu membacakan hadith kepadanya. Al-Bukhari kemudiannya memaklumkan kecacatan hadith tersebut secara terperinci sehingga menyebabkan Muslim berasa kagum dengan ketinggian ilmu al-Bukhari lantas mencium antara dua mata al-Bukhari. Bahkan disebabkan terlalu kagum kepada al-Bukhari hampir-hampir beliau mencium kedua-dua belah kaki tokoh hadith tersebut.<sup>35</sup> Katanya, “Biarkanlah aku sehingga aku mencium kedua-dua kakimu wahai guru kepada para guru, penghulu ahli hadith dan perawat kecacatan hadith”.<sup>36</sup>

Al-Bukhari memulakan kembara ilmu di luar bumi kelahirannya ketika berusia 16 tahun. Sebelum itu, beliau mengambil ilmu khususnya dalam periwayatan hadith dari syeikh-syeikh yang berada dalam negerinya. Selepas menunaikan haji bersama ibu dan adiknya, beliau kekal tinggal di Makkah untuk menimba ilmu dengan alim-ulama di sana. Dua tahun selepas itu, beliau bermusafir ke Madinah. Dalam permusafiran itulah beliau

---

<sup>34</sup> Al-Mubarakfuri, *Sirah Kehidupan Imam Bukhari Penghulu Para Fuqaha dan Imamul Muhaddisin*, 87-90.

<sup>35</sup> W. H. Embong, A. Ruskam, dan A. K. Mohamed, *Kajian Takhrij Hadith Sahih Berkaitan dengan Iman yang Dirawayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim* (Johor Bahru: Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia, 2003), 21.

<sup>36</sup> Al-Mubarakfuri, *Sirah Kehidupan Imam Bukhari Penghulu Para Fuqaha dan Imamul Muhaddisin*, 38-40.

mula mengarang kitab *Tarikh al-Kabir*. Setelah enam tahun berada di Tanah Hijaz, beliau ke Basra untuk menimba ilmu di sana. Seterusnya beliau bermusafir ke Kufah dan Baghdad beberapa kali. Beliau turut pergi ke Syam, Mesir dan al-Jazirah yang merupakan kawasan tanah tinggi yang terletak antara Sungai Dajlah dan Furat. Dalam kembara ilmunya, beliau turut menjejakkan kaki ke Khurasan yang meliputi kawasan yang sangat luas seperti Marw, Balkh, Harah, Naysabur dan al-Rayy dan kawasan-kawasan berhampiran dengan wilayah kelahirannya iaitu Bukhara seperti Samarkand dan Tashkent.<sup>37</sup>

Kitabnya yang paling masyhur dalam bidang hadith iaitu *Sahih al-Bukhari* dipercayai dimulakan penulisannya ketika beliau berusia 23 tahun dan selesai ditulis 16 tahun kemudian. Kitab tersebut pernah dibentangkan di hadapan guru-gurunya iaitu Yahya ibn Ma'in, 'Ali ibn al-Madini dan Ahmad ibn Hanbal. Beliau mula mengarang, menyusun tertib dan bab-bab serta meletakkan asas kitab tersebut di Masjid Haram. Selepas itu, beliau menyalin tajuk-tajuk dan usul-usulnya di Raudah iaitu antara maqam Nabi SAW dan mimbar Baginda SAW. Kemudian beliau mengumpulkan hadith-hadith dan meletakkannya dalam bab yang sesuai sepanjang permusafirannya ke negara-negara yang ditujuinya.<sup>38</sup>

Beliau sentiasa konsisten dalam menyempurnakan perjalanan ilmunya sehingga ke akhir hayatnya. Kesungguhannya dalam ilmu khususnya dalam bidang hadith sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Warraaq yang pernah bersama-samanya dalam sebuah perjalanan sentiasa bertenaga dan tidak pernah berkurang walaupun ketika waktu tidur. Menurut al-Warraaq, al-Bukhari bangun pada satu malam sebanyak 15 kali. Setiap kali bangun, beliau akan menyalakan api untuk menyelesaikan kerja-kerja periwayatannya kemudian tidur semula. Selepas itu beliau akan bangun menyalakan lampu dan menyambung kembali kerjanya kemudian tidur semula. Begitulah rutusnya sepanjang malam tersebut sehingga mengagumkan al-Warraaq setelah melihat kesungguhan luar biasa yang ada dalam diri tokoh hadith tersebut.<sup>39</sup>

---

<sup>37</sup> Al-Mubarakfuri, *Sirah Kehidupan Imam Bukhari Penghulu Para Fuqaha dan Imamul Muhaddisin*, 24-34.

<sup>38</sup> Kamaludin, *Keunggulan Imam al-Bukhari*, 112-122.

<sup>39</sup> Al-Mubarakfuri, *Sirah Kehidupan Imam Bukhari Penghulu Para Fuqaha dan Imamul Muhaddisin*, 69-70.

Sepanjang 16 tahun menyusun hadith untuk dimuatkan dalam kitabnya, beliau telah berjaya menghimpunkan sejuta buah hadith yang diriwayatkan dari seribu orang guru. Dari jumlah itu, beliau telah memilih 600,000 buah hadith kemudiannya disaring lagi menjadi sekitar 7,275 buah hadith sebagaimana yang terkandung dalam kitabnya pada hari ini.<sup>40</sup>

### **Psikologi Moden Berisikan Nilai Personaliti Ahli Hadith**

Dalam konteks psikologi moden, Teori Sosial-Kognitif yang diketengahkan oleh Mischel dan Shoda pada tahun 1995 dilihat sebagai teori yang relevan dengan personaliti ahli hadith kerana penekanannya terhadap proses kognitif seperti berfikir dan membuat keputusan. Dalam teori tersebut, lima unit sistem dan peranannya dikenalpasti seperti berikut;

Jadual 3: Teori Sosial-Kognitif<sup>41</sup>

Unit Kognitif-Afektif	Penerangan
Pengolahan	Pembinaan untuk pengkategorian keadaan, manusia dan diri
Kepercayaan	Penampilan tingkah laku dan keberkesanan diri
Pengaruh	Perasaan dan emosi yang bertindak balas
Matlamat dan Nilai	Kemahuan dan dorongan yang kuat
Kompetensi dan Peraturan Kendiri	Strategi untuk menyusun tindakan dan keputusan

Di sisi lain, personaliti kumpulan ahli hadith boleh membantu memperkasakan teori tersebut dengan cara menjelaskan hubungan domain afektif kepada domain kognitif. Adil dalam definisi ahli hadith adalah unik kerana ia menggabungkan peranan domain kognitif dan afektif dalam satu masa. Dalam domain kognitif, adil menunjukkan kekuatan akal dalam menilai latar belakang periwayat dengan mengambil kira pelbagai aspek seperti riwayat hidup, guru-gurunya, pergaulan dan kedudukannya dalam masyarakat dari segi

<sup>40</sup> Ismail, *Biografi Imam Bukhari*, 1:21.

<sup>41</sup> W. Mischel, and Y. Shoda, "A Cognitive-Affective System Theory of Personality: Reconceptualizing Situations, Dispositions, Dynamics, and Invariance in Personality Structure," *Psychological Review* 102:2 (1995), 246-268.

keilmuan dan kewibawaannya dalam akhlak dan menjaga maruah. Manakala dari sudut afektif, adil mengetengahkan sikap berhati-hati dalam segenap hal kerana ia mempengaruhi keberkatan hidup dan ketajaman akal fikiran. Sikap berhati-hati yang dimaksudkan ialah memelihara diri dari terjebak dalam mengerjakan dosa besar atau kecil, menjaga pergaulan dan makan minum, menjauhkan diri dari bersenang-lenang dengan harta dunia, tidak menzalimi makhluk Allah SWT samada manusia, binatang mahupun tumbuhan, menjaga amal ibadah dan memelihara tutur kata.

Sikap menjauhkan diri dari bersenang-lenang dengan harta dunia bukanlah menunjukkan bahawa ahli hadith itu membenci dunia sebaliknya menjadi motivasi kepada dirinya agar membelanjakan hartanya ke jalan yang boleh memberi manfaat kepada orang lain secara lahir dan menggapai keredaan Allah secara batin. Atas sebab itu, lazimnya ahli hadith akan menginfak hartanya untuk keperluan para penuntut ilmu yang lain dan juga faqir miskin yang memerlukannya. Sikap pemurah menjadi tanda aras kewibawaan ahli ilmu di mata orang awam bahkan dianggap sebagai salah satu isyarat asas tentang kepercayaan masyarakat terhadap dirinya.

Dalam konteks periwayatan hadith, sikap berhati-hati dalam sifat adil ini berhubung rapat dengan amanah dan kepercayaan. Tanpa sikap berhati-hati, seseorang itu sukar hendak dipercayai periwayatannya kerana tidak mustahil ianya telah bercampur-campur atau ditokok-tambah. Atas sebab itulah, sifat adil menjadi neraca pertimbangan yang terpenting dalam bidang ini.

Berhubung dengan sifat adil ialah sifat dabit yang merujuk kepada kekuatan ingatan atau hafalan. Padahal sifat dabit di sisi ahli hadith mencakupi domain kognitif yang sangat luas kerana ia melibatkan keupayaan untuk mengenal susur galur periwayatan samada sanad mahupun matan. Dengan kata lain, seseorang ahli hadith itu dikatakan sangat unggul dalam bidang ilmu tersebut seandainya ia dapat mengesan kecacatan yang ada dalam jalur periwayatan.

Sifat dabit beriringan dengan hemah dan iltizam bagi menyempurnakan maksud periwayatan. Justeru, ahli-ahli hadith lazimnya menghabiskan seluruh kehidupan mereka dalam bidang ilmu samada terlibat dengan kerja-kerja lapangan seperti bermusafir

dan bertemu guru-guru atau berkecimpung dalam bidang penulisan dengan matlamat untuk menyebarkan ilmu.

Sifat adil dan cawangannya iaitu dabit yang menjadi kriteria utama kepada tingkah laku periwayat dalam bidang hadith boleh dimanfaatkan dan diperkasakan dalam bidang psikologi moden. Kedua-dua sifat mempunyai ciri personaliti unggul yang wajar diketengahkan kepada masyarakat pada hari ini. Menariknya dalam konteks psikologi moden, kedua-dua sifat ini mempunyai ciri-ciri psikologi positif yang semakin mendapat tempat dalam bidang kajian.

Adil jika dilihat dari sudut konstruktif merujuk kepada peribadi yang warak dan takwa manakala dabit pula menunjukkan kewibawaan dalam bidang ilmu sehingga mampu berhujah secara kritis.

Kedua-dua sifat ini berupaya menghasilkan nilai personaliti yang unik misalnya sifat adil melahirkan nilai kepercayaan (*thiqah*) manakala dabit melahirkan nilai adab kepada ilmu. Nilai kepercayaan yang wujud pada diri ahli hadith terjelma menerusi penampilan sikap jujur dan amanah dalam menyampaikan ilmu tanpa mengabaikan pemeliharaan diri dari perkara-perkara yang dilarang dalam agama. Manakala nilai adab dalam ilmu yang semakin terhakis dalam era moden ini terjelma menerusi kesungguhan ahli-ahli hadith yang menjunjung tinggi setiap periwayatan yang dilakukan baik dari segi penelitian mahupun aspek-aspek kerohanian dalam menjaga setiap baris atau kalimah hadith yang diriwayatkan itu. Dengan kata lain, adab memberi pengertian khidmat kepada ilmu di sisi ahli hadith.

Jadual 4: Personaliti Ahli Hadith

Sifat	Konstruktif	Nilai
Adil	Warak dan Takwa	Kepercayaan
Dabit	Wibawa dan Kritis	Khidmat

Sifat dan nilai personaliti yang menjadi tanda aras dalam bidang hadith ini boleh digunapakai dalam sistem pendidikan sedia ada bagi membangunkan tingkah laku psikologi pelajar. Sifat adil boleh dibangunkan dengan lebih terperinci dengan meletakkan beberapa kriteria utama seperti ketelitian, pemurah, apresiasi dan sensitif serta mengambil berat dengan keadaan sekeliling. Begitu juga dengan sifat dabit yang boleh dibangunkan dengan lebih terperinci misalnya dengan memberi perhatian kepada keupayaan

berfikir, penilaian, konsistensi dan iltizam untuk mencapai sesuatu matlamat.

### **Penutup**

Sifat adil dan dabit mengintegrasikan dimensi ontologi, epistemologi dan aksiologi. Kedua-dua sifat ini meletakkan ilmu pada kedudukan yang sepatutnya sehingga berupaya mengembangkan tingkah laku psikologi pelakunya. Kedua-dua sifat itu juga berupaya mengimbangkan peranan domain kognitif dan afektif dalam diri manusia yang mengarahkan tingkah laku fisiologi dan psikologi manusia ke arah yang positif.

Sifat adil dan dabit berserta nilainya berbeza dengan sifat yang diketengahkan dalam Model FFM dan nilai personaliti yang sering menjadi amalan dalam psikologi moden. Ini adalah kerana sifat adil dan dabit berserta nilainya terbit dari rasa kecintaan ahli hadith untuk memelihara Hadith dan Sunnah Rasulullah SAW manakala sifat yang terkandung dalam model FFM dan nilai personaliti yang menjadi amalan dalam psikologi moden tercetus berdasarkan pengalaman, pengamatan dan persepsi manusia dan komuniti. Justeru, sifat adil dan dabit ini mencetuskan gelora yang lebih hebat ketimbang sifat dalam model FFM kerana terinspirasi untuk menuruti jejak Rasulullah SAW di samping mencapai maksud kerohanian dalam meraih syafaat Baginda SAW.

Selain itu, personaliti ahli hadith boleh ditelusuri dengan lebih mendalam menerusi Teori Sosial-Kognitif. Dengan itu, psikologi moden akan mendapat lebih banyak manfaat selaras dengan tema psikologi positif yang semakin mendapat perhatian pada hari ini.

### **Rujukan**

- A. M. Jamrah, *Ringkasan Sahih al-Bukhari* (terj. M. F. Kamaludin) (Ampang: Sofa Production, 2014).
- A. M. Salim, *Taysir Dirasah al-Asanid li al-Mubtadi'in* (Tanta: Dar al-Diya', 2000).
- Allen, B. P., *Personality Theories: Development, Growth and Diversity* (ed. 5) (Boston: Pearson, 2003).
- Allik, J., "Personality Dimensions Across Cultures," *Journal of Personality Disorders* 19 (2005), 212-232.

- Al-Mubarakfuri, A. S., *Sirah Kehidupan Imam Bukhari Penghulu Para Fuqaha dan Imamul Muhaddisin* (terj. A. S. Rahman) (Sungai Buloh: Kemilau Publika, 2016).
- Bhoite, S. D., and Shinde, L. S., "An Overview of Personality Development," *International Journal of Trend in Scientific Research and Development* Special Issue (2019), 138-141.
- Bhullar, N., Well, H., and Schutte, N. S., "Personality and Positive Psychology," in *The Wiley Encyclopedia of Personality and Individual Differences: Model and Theories* (New York: John Wiley, 2020), 4:423-427.
- Brown, R., Franz, D., Ibarra, B., and Sullivan, M., *Personality: A Six-Day Unit Lesson Plan for High School Psychology Teachers* (Washington: American Psychological Association, 2014).
- F. A. Shah, M. K. Soroni, dan R. Wazir, *Manahij al-Muhaddithin* (Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010).
- Geukes, K., Zalk, M. V., and Back, M. D., "Understanding Personality Development: An Integrative State Process Model," *International Journal of Behavioral Development* 42:1 (2017), 43-51.
- I. Sulaiman, "Isnad al-Hadith Sebagai Etika Maklumat Islam: Satu Pengenalan," *Jurnal Usuluddin* 6 (1997), 51-64.
- Kamus Dewan* (ed.) (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014).
- M. A. Zahrah, *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah: fi Tarikh al-Madhahib al-Fiqhiyyah* (Hejaz: Dar al-Fikr al-'Arabi, 1976).
- M. F. Kamaludin, *Keunggulan Imam al-Bukhari* (Seremban: Sofa Production, 2016).
- McCrae, R. R., and Costa, P. T., "The Five-Factor Theory of Personality," in O. P. John, R. W. Robins, and L. A. Pervin, *Handbook of Personality: Theory and Research* (New York: Guilford Press, 2008), 159-180.
- Mischel, W., and Shoda, Y., "A Cognitive-Affective System Theory of Personality: Reconceptualizing Situations, Dispositions, Dynamics, and Invariance in Personality Structure," *Psychological Review* 102:2 (1995), 246-268.
- Park, L., and Guay, R. P., "Personality, Values and Motivation," *Personality and Individual Differences* 47 (2009), 675-684.



- Parks-Leduc, L., Feldman, G., and Bardi, A., "Personality Traits and Personal Values: A Meta-Analysis," *Personality and Social Psychology Review* 19:1 (2015), 3-29.
- R. A. Zin, *Pengantar Ulum Hadis Teks Pengajian Islam* (ed. 2) (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 2005).
- Roberts, B. N., Caspi, A., and Moffitt, T. E., "Work Experiences and Personality Development in Young Adulthood," *Journal of Personality and Social Psychology* 84:3 (2003), 582-593.
- S. A. Ghouri, *Kamus Istilah Hadis* (terj. Z. M. Nor, A. S. Azmi, dan M. H. Hussin) (Bangi: Darul Syakir Enterprise, 2012).
- Schwartz, S. H., "Universals in the Content and Structure of Values: Theoretical Advances and Empirical Tests in 20 countries," in M. P. Zanna, *Advances in Experimental Social Psychology* (San Diego: Academic Press, 1992), 1-65.
- W. H. Embong, A. Ruskam, dan A. K. Mohamed, *Kajian Takhrij Hadith Sahih Berkaitan dengan Iman yang Diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim* (Johor Bahru: Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia, 2003).
- Y. Ismail, *Biografi Imam Bukhari (810-870M) Pelajaran Hidup Sang Penjaga Hadith Nabi* (terj. A. Maftuhin) (Depok: Keira Publishing, 2016).

